

Kejayaan seseorang individu bergantung pada usaha gigih dan kebijaksanaannya memanfaatkan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Bak kata peribahasa “kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya”.

Tulis sebuah karangan berdasarkan pernyataan di atas. Lengkapkan karangan dengan rangkai kata yang sesuai. *Dimensi Sastera*

KBAT Mencipta

- | | |
|--------------------------|-------------------------|
| • belunggu kemiskinan | • menggenggam kejayaan |
| • memanfaatkan kemudahan | • hasil pertanian |
| • pasaran baharu | • secara percuma |
| • bertaraf global | • persada antarabangsa |
| • sedaya upaya | • melipatgandakan usaha |
| • berbentuk biasiswa | • akses Internet |
| • kegiatan vandalisme | • pusat sukan |
| • secara optimum | • industri pekerjaan |
| • kecergasan jasmani | • bermaklumat tinggi |
| • era globalisasi | • seisi rumah |
| • tangga kejayaan | • menara gading |

Apabila melihat kejayaan orang lain, pastinya kita akan berasa kagum. Lazimnya, mereka membuat perancangan yang teliti. Berdasarkan perancangan tersebut, mereka akan _____ agar kejayaan menjadi milik mereka. Hal ini bertepatan dengan maksud peribahasa “kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya”. Oleh sebab itu, kita perlu tekun berusaha untuk menggapai sesuatu

yang diharapkan dan bijak _____ yang disediakan oleh kerajaan. Usahlah berpeluk tubuh atau bergantung pada nasib semata-mata kerana "Yang bulat tidak akan datang bergolek, yang pipih tidak akan datang melayang".

Pelbagai prasarana telah disediakan oleh pihak kerajaan demi keselesaan rakyat. Prasarana tersebut merangkumi pengangkutan awam, jalan raya, kemudahan awam seperti bekalan elektrik dan air, telekomunikasi, dan khidmat keselamatan. Dengan adanya prasarana yang _____ itu, warganegara Malaysia perlu menggunakan prasarana tersebut dengan sebalik mungkin untuk keluar daripada _____.

Seterusnya, mereka mampu memberikan kesenangan hidup kepada _____. Contohnya, jalan raya digunakan untuk memasarkan _____ ke bandar-bandar besar dengan pantas tanpa mengalami sebarang masalah. Selain itu, petani disarankan meneroka _____ baharu yang lebih menguntungkan bagi meningkatkan ekonomi keluarga.

Kerajaan membina hospital, balai bomba, balai polis, padang permainan, dan lain-lain juga. Oleh hal yang demikian, kita perlu menggunakan kemudahan tersebut dengan bijaksananya. Misalnya, hospital penting kepada rakyat untuk menerima rawatan apabila jatuh sakit atau berlaku kemalangan. Semua rakyat Malaysia berhak mendapatkan kemudahan rawatan _____ kecuali sewa wad sahaja yang dikenakan bayaran. Padang dan taman permainan pula dibina sebagai tempat rekreasi pada hujung minggu atau hari kelepasan umum. Aduan hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa jika terdapat _____ di padang dan taman permainan. Jelasnya, kemudahan awam tersebut mampu melahirkan masyarakat yang sihat dan prihatin.

Seterusnya, Kementerian Pendidikan Tinggi turut menawarkan pinjaman pelajaran _____ dan pinjaman kepada murid-murid. Dengan adanya pinjaman pelajaran ini, murid-murid hendaklah berusaha dengan lebih tekun untuk menjejakkan kaki ke _____. Dalam hal ini, mereka tidak sepatutnya mensia-siakan intensif yang diberikan. Sebaliknya, mereka perlu membalasnya dengan _____ yang menjadi kebanggaan ibu bapa. Tuntasnya, murid-murid haruslah berusaha dengan _____ untuk berjaya dalam bidang akademik yang menjanjikan masa hadapan yang lebih cerah.

Di samping itu, kerajaan menyediakan _____ di pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) untuk orang ramai mendapatkan pendedahan, pengetahuan, dan perkhidmatan yang berkaitan dengan bidang sains dan teknologi. Oleh itu, masyarakat perlu memanfaatkan kemudahan TMK yang ada di tempat masing-masing _____ untuk menambah pengetahuan dan kemahiran TMK. Pada masa kini, penggunaan TMK dalam kehidupan kita kian meluas. Dengan menguasai kemahiran TMK juga, peluang kita untuk mendapatkan pekerjaan lebih cerah. Hal ini dikatakan demikian kerana pada _____ ini, penggunaan komputer dan Internet merupakan satu kemestian dalam _____ di Malaysia. Jelaslah bahawa usaha tersebut dapat melahirkan pekerja yang _____.

Begitu juga kemudahan sukan dan riadah yang disediakan. Rakyat Malaysia perlu bijak memanfaatkan kemudahan itu sepenuhnya demi kesihatan dan _____. Mereka boleh melakukan aktiviti sukan dan beriadah pada bila-bila masa sahaja secara konsisten kerana kelengkapan sukan yang berkonsepkan mudah, murah, dan menarik itu ada di persekitaran tempat tinggal mereka. Peralatan dan kemudahan sedia ada di taman-taman awam, padang permainan, taman rekreasi, atau _____ untuk orang ramai juga sering diganti, ditambah, dan diselenggarakan dengan baiknya.

Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama untuk mencapai matlamat yang disasarkan kerana "usaha _____". Semua orang perlu ada sikap ringan tulang untuk mengubah kehidupan dan tidak berserah pada nasib semata-mata. Benarlah kata peribahasa Melayu "Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya". Kejayaan yang dicapai akan menjadikan rakyat Malaysia mampu bersaing di _____.